

MAHATHIR-DASAR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 3 PETANG - 15 JULAI, 1983

OLEH REJAL ARBEE DAN ABDUL RAHMAN SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBAYANGKAN KEGEMBIRAANNYA KERANA RAKYAT TELAH MULA MENERIMA BERBAGAI PEMBAHARUAN YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAANNYA SEJAK DUA TAHUN LALU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SENDIRI MENDAPATI BAHAWA KESEDARAN SUDAH BANYAK TERDAPAT DI KALANGAN RAKYAT TENTANG DASAR-DASAR BARU KERAJAAN YANG PADA HAKIKATNYA CUMA MERUPAKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN BARU YANG DIASASKAN KEPADA DASAR-DASAR YANG TELAH SEDIA ADA.

+KITA DAPATI UMPAMANYA DI KALANGAN PENIAGA-PENIAGA DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA, MEREKA SUDAH MEMPUNYAI SATU MACAM KESEDARAN TENTANG PENTINGNYA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI.

+SEBAB ITU MEREKA MENGADAKAN SEMINAR BERKENAAN DENGAN PRODUKTIVITI +, JELASNYA DALAM TEMURAMAH KHAS DENGAN BERNAMA SERTA KUMPULAN-KUMPULAN AKHBAR UTUSAN MELAYU DAN THE NEW STRAITS TIMES SEMPERA DUA TAHUN BELIAU MEMEGANG JAWATANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGANGKAT SUMPAH DI HADAPAN YANG DI-PERTUAN AGONG SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT PADA 16 JULAI, 1981 MENGGANTIKAN TUN HUSSEIN ONN YANG MENGUNDURKAN DIRI ATAS SEBAB-SEBAB KESIHATAN.

--LAGI 0812/AN

MAHATHIR-DASAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEJAK ITU BELIAU TELAH MEMPERKENALKAN BERBAGAI PEMBAHARUAN DALAM PENTADBIRAN YANG BERTUJUAN MENINGKATKAN LAGI DAYA PENGELUARAN RAKYAT DAN MENJADIKAN NEGARA INI SEBUAH NEGARA YANG DISEGANI SERTA DIHORMATI OLEH DUNIA LUAR.

ANTARA INNOVASI-INNOVASI TERSEBUT TERMASUKLAH PERKENALAN KAD PERAKAM WAKTU DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN, PENYAMAAN ZON WAKTU ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK, DASAR PANDANG KE TIMUR, KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA SERTA PENGSWASTAAN.

DALAM TEMURAMAH SELAMA HAMPPIR DUA JAM ITU YANG DILANGSUNGKAN DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI MENYUARAKAN PENDAPAT SERTA PENILAIANNYA SECARA TERUS TERANG MENGENAI BERBAGAI ISU TERMASUK RASUAH, KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA, KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN.

BELIAU JUGA MENYENTUH PERKARA-PERKARA YANG DIANGGAP KONTRAVERSIAL SEPERTI HARGA MEMPERBAIKI RUMAH KEDIAMANNYA SENDIRI, KERIBUTAN MENGENAI PENETAPAN TARIKH MULA PUASA DAN HARI RAYA DAN BENCANA YANG MENIMPA ANAK SYARIKAT, BANK BUMIPUTERA MALAYSIA DI HONG KONG BARU-BARU INI.

--LAGI 0816/AN

ZCZC B507

MAHATHIR-DASAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT DUA GOLONGAN PENTING YANG MENURUTNYA AMAT KETARA BERMINAT UNTUK MELAKSANAKAN DASAR-DASAR BARU YANG DIKETENGAHKAN ITU.

MEREKA TERDIRI DARIPADA PIHAK SWASTA YANG MULAI MEMBUAT PERCUBAAN UNTUK MENGETAHUI SECARA LEBIH MENDALAM TENTANG PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN YANG DILAKSANAKAN DI NEGARA-NEGARA TIMUR DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG SEDANG BERUSAHA UNTUK MENGADAKAN PROSEDUR BEKERJA SERTA FAIL MEJA YANG TUJUAN UTAMANYA IALAH UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASI.

DITANYA SAMA ADA BELIAU BERCADANG MENGADAKAN PROGRAM-PROGRAM TERTENTU UNTUK MENANAMKAN KESEDARAN BARU ITU DI KALANGAN PARA BELIA DAN KANAK-KANAK SEKOLAH PULA, PERDANA MENTERI BERKATA BUAT MASA INI KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI LANGKAH-LANGKAH YANG TERTENTU KE ARAH ITU.

+INI AKAN KITA USAHAKAN KEMUDIAN APABILA KITA DAPAT MENYAKINKAN GURU-GURU TENTANG DASAR-DASAR BARU KERAJAAN+, KATANYA.

+SUDAH TENTU MURID-MURID DI SEKOLAH AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING KEMUDIAN HARI TETAPI PERANAN YANG PENTING SEKALI IALAH ORANG-ORANG DEWASA SEKARANG INI, SAMA ADA MEREKA DAPAT MENYERAP ATAU TIDAK NILAI-NILAI YANG KITA SYORKAN ITU+, TEGAS BELIAU.

--LAGI 0820/AN

ZCZC B508

MAHATHIR-DASAR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI PENERIMAAN PENDUDUK-PENDUDUK DI LUAR BANDAR PULA, BELIAU MENERANGKAN PENERIMAAN MEREKA TERHADAR DASAR-DASAR BARU ITU MASIH BELUM MENYELURUH.

BAGAIMANAPUN, INI DIFAHAMI KERANA MENURUT BELIAU PERUBAHAN SIKAP BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH DI LAKUKAN.

+IA MEMERLUKAN SATU PERUBAHAN KEBUDAYAAN DAN SESUATU KEBUDAYAAN TIDAK MUDAH DIUBAH MELAINKAN IANYA MENGAMBIL MASA YANG AMAT PANJANG+.

+WALAUPUN DEMIKIAN, KITA DAPATI DI KALANGAN PENDUDUK LUAR BANDAR SUDAH TIMBUL SATU KESEDARAN TENTANG APAKAH SIKAP YANG BAIK UNTUK MEREKA+.

+UMPAMANYA KITA DAPATI DI PERLIS, TELAH ADA SATU SYOR YANG DIBUAT OLEH ORANG-ORANG KAMPUNG YANG MENENTANG MENTALITI MASYARAKAT SUBSIDI+, JELAS BELIAU.

--BERNAMA 0824/AN